

14/06/2003

Perhimpunan Wanita bincang persediaan pilihan raya umum

Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Persiapan pilihan raya umum akan datang bakal menjadi inti pati utama yang akan dibincangkan Wanita Umno pada perhimpunan agung pergerakan itu minggu depan.

Ketuanya, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata ini kerana Wanita Umno memberi keutamaan kepada pilihan raya dan persiapan perlu dipastikan serta dibincang pada perhimpunan agung kali ini.

Sehubungan itu, beliau tidak mahu ahli wanita membahar pelbagai usul secara berapi-api dan mengabaikan soal turun ke akar umbi untuk menemui pengundi.

"Perjuangan seluruh peringkat dalam pergerakan wanita sekarang ialah untuk memenangi pilihan raya umum akan datang. Di situlah segala-galanya.

"Jika menang pilihan raya, semua dasar bernas yang kita utarakan dapat dilaksanakan. Justeru soal turun ke akar umbi dan strategi memenangi pilihan raya akan menjadi tumpuan utama perbincangan perhimpunan," katanya

selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Wanita Umno bagi membincangkan persiapan menjelang perhimpunan, di Ibu pejabat parti, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) semalam.

Beliau juga berkata, Wanita Umno sentiasa menunaikan tanggungjawab penting dalam kempen pilihan raya dan akan terus memikul tanggungjawab itu menerusi program Gerak 10.

"Tidak ramai yang boleh naik turun dari rumah ke rumah memantau undi, melainkan Wanita Umno dan kita galakkan Puteri Umno membantu kita memantau undi.

"Jika jentera parti tidak bekerja kuat dan asyik berbalah sesama sendiri serta memihak kepada calon tertentu atau memilih calon yang hendak disokong kerana tidak setuju dengan calon tertentu yang dipilih pucuk kepimpinan, mereka sendiri akan menerima padah," katanya.

Beliau mengingatkan sikap asyik memprotes sehingga menyebabkan jentera parti bekerja sambil lewa adalah antara punca kekalahan Barisan Nasional (BN) di dua negeri sebelum ini.

Selain itu, Wanita Umno akan membahaskan tiga usul iaitu ucapan Ketua, pendidikan dan agama serta usul ekonomi.

Beliau berkata, ucapan dasar ketua akan menyaksikan semua negeri mengambil bahagian, manakala dua lagi usul dibincang secara lebih khusus dan teratur kerana tidak mahu terlalu ramai membahar dan mengulang perkara sama yang hanya membuang masa.

Rafidah berkata, Mesyuarat Pengurusan Umno juga memutuskan bahawa Ketua

Wanita akan menjadi pembahar utama ucapan dasar Presiden Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung Umno.

Sempena perhimpunan kali ini, Wanita Umno akan mengadakan pameran Jati Wanita mengenai pencapaian wanita yang akan dilancarkan Timbalan

Presiden,
Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.